

BORANG PINDAAN HIBAH AMANAH TH/*PENAMAAN

1. Sila baca terma-terma dan syarat-syarat Pindaan Hibah Amanah TH/*Penamaan di Perkara D dengan teliti sebelum melengkapkan borang ini.
2. *Terpakai sekiranya Pemberi Hibah Amanah memilih untuk membuat gabungan Hibah Amanah dan Penamaan.
3. Pemberi Hibah Amanah digalakkan berlaku adil dalam pembahagian Harta Hibah Amanah.
4. Sila lengkapkan maklumat di Perkara A, B, C dan D dengan HURUF BESAR dan tandakan (/) pada kotak yang berkaitan
5. Borang ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Suratikatan Hibah Amanah dan Surat Kuasa Wakil
6. Sila buat salinan muka surat berkenaan terlebih dahulu jika bilangan Penerima Hibah Amanah/Penjaga Sah/*Penerima Namaan lebih daripada seorang/ruangan tidak mencukupi.
7. Sila sertakan dokumen-dokumen seperti berikut iaitu: (rujuk Perkara D syarat 10 untuk syarat akui sah salinan)
 - i) Dokumen Pengenalan Diri Pemberi Hibah Amanah/*Pendeposit (asal dan salinan diakui sah);
 - ii) Dokumen Pengenalan Diri Penerima Hibah Amanah/Penjaga Sah/*Penerima Namaan (salinan diakui sah);
 - iii) Sijil Kelahiran/Sijil Pengangkatan bagi Penerima Hibah Amanah berumur di bawah 18 tahun (salinan diakui sah);
 - iv) Suratikatan Hibah Amanah (asal);
 - v) Surat Kuasa Wakil (asal)
8. Jenis-jenis Pindaan (rujuk Perkara D syarat 3 untuk tujuan-tujuan pindaan):
 - i) Pembatalan salah seorang atau lebih Penerima Hibah Amanah/Penjaga Sah/*Penerima Namaan.
 - ii) Tambahan Penerima Hibah Amanah/*Penerima Namaan.
 - iii) Penggantian Penerima Hibah Amanah/Penjaga Sah/*Penerima Namaan.
 - iv) Peratusan Bahagian.

A: MAKLUMAT PERIBADI PEMBERI HIBAH AMANAH/*PENDEPOSIT

(Sila potong mana yang tidak berkenaan)

Nama (Mengikut Dokumen Pengenalan Diri):

No. Siri Aqad Hibah Amanah:

No. Akaun **TH** (Harta Hibah Amanah/*Penamaan):

No. Pengenalan Diri (Mykad):

No. Tentera/Polis:

Sila tandakan cara pembahagian Harta Hibah /*Penamaan

Hibah Amanah 100% (Keseluruhan)

*Gabungan Hibah Amanah% dan Penamaan%

B: JENIS-JENIS PINDAAN

1. Sekiranya memilih pembatalan Penerima Hibah Amanah/*Penerima Namaan, jumlah peratusan bahagian mestilah dicukupkan kepada seratus peratus (100%).
2. Sekiranya memilih pembatalan Penjaga Sah, Pemberi Hibah Amanah perlu melantik Penjaga Sah yang baru (jika Penerima Hibah Amanah masih berumur di bawah 18 tahun dan/atau tidak waras)

Sila tandakan (/) pada kotak yang berkaitan:

Pembatalan salah seorang atau lebih Penerima Hibah Amanah/Penjaga Sah/*Penerima
*(Terpakai untuk tujuan: (i) pembatalan salah seorang atau lebih Penerima Hibah Amanah/*Penerima Namaan tanpa membuat penggantian. Sila lengkapkan B1 dan B3; atau (ii) pembatalan Penjaga Sah. Sila lengkapkan B1 dan B2(2).*

Tambahan Penerima Hibah Amanah/*Penerima Namaan
*(Terpakai untuk tujuan penambahan Penerima Hibah Amanah/*Penerima Namaan yang baru. Sila lengkapkan B2 dan B3)*

Penggantian Penerima Hibah Amanah/Penjaga Sah/*Penerima Namaan
*(Terpakai untuk tujuan pembatalan dan penggantian Penerima Hibah Amanah/Penjaga Sah/*Penerima Namaan yang baru. Sila lengkapkan B1, B2 dan B3)*

Peratusan Bahagian
(Terpakai untuk tujuan penambahan dan/atau pengurangan Peratusan Bahagian. Sila lengkapkan B3)

B1: PEMBATALAN PENERIMA HIBAH AMANAH/PENJAGA SAH/*PENERIMA NAMAAN

(Sila potong mana yang tidak berkenaan)

B1 (1): MAKLUMAT PERIBADI PENERIMA HIBAH AMANAH/PENJAGA SAH/*PENERIMA NAMAAN YANG HENDAK DIBATALKAN

Nama (Mengikut Dokumen Pengenalan Diri):

No. Pengenalan Diri (Mykad/Mykid):

No. Tentera/Polis/Pasport:

Nama Penerima Hibah Amanah (Mykad/Mykid/Tentera/Polis/Pasport): *(Sila isi jika berkenaan)*

No. Pengenalan Diri Penerima Hibah Amanah (Mykad/Mykid/Tentera/Polis/Pasport):

(Sila isi jika berkenaan)

B1 (2): PERSETUJUAN PENERIMA HIBAH AMANAH/PENJAGA SAH

(Bahagian ini perlu diisi jika tujuan pindaan ialah pembatalan salah seorang atau lebih Penerima Hibah Amanah dan jika Penerima Hibah Amanah tersebut bukan anak kandung dan/atau cucu kandung Pemberi Hibah Amanah)

Saya sebagai Penerima Hibah Amanah/Penjaga Sah mengaku dan faham ke atas terma-terma dan syarat-syarat Hibah Amanah **TH** yang telah dibuat oleh Pemberi Hibah Amanah dan dengan ini bersetuju dengan pindaan Hibah Amanah **TH** yang dibuat oleh Pemberi Hibah Amanah seperti di atas dengan menurunkan tandatangan seperti di bawah.

Ditandatangani oleh Penerima Hibah Amanah/Penjaga yang sah:

.....
Nama :
No. Pengenalan Diri :
Tarikh :

B1 (3): SAKSI (rujuk Perkara D, syarat 11 untuk kelayakan saksi)

Disaksikan bahawa persetujuan pindaan Hibah Amanah **TH***Penamaan ini telah dilaksanakan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut namanya di atas.
Di hadapan kami:

Ditandatangani oleh Saksi 1:	
.....	
Nama	:
No. Pengenalan Diri/ Cop Jawatan	:
Tarikh	:
Ditandatangani oleh Saksi 2:	
.....	
Nama	:
No. Pengenalan Diri/ Cop Jawatan	:
Tarikh	:

B2: – TAMBAHAN ATAU PENGGANTIAN PENERIMA HIBAH AMANAH/PENJAGA SAH/*PENERIMA NAMAAN (Sila potong mana yang tidak berkenaan)

1. Sila baca terma-terma dan syarat-syarat tambahan di Perkara D1 dengan teliti sebelum melengkapkan bahagian ini.
2. Sila sertakan dokumen-dokumen tambahan berikut: (rujuk Perkara D1 syarat 29 untuk syarat salinan diakui sah)
i) Dokumen Pengenalan Diri Pemberi Hibah Amanah/*Pendeposit (asal dan salinan yang diakui sah)
ii) Dokumen Pengenalan Diri Penerima Hibah Amanah/ Penjaga Sah/ *Penerima Namaan (salinan yang diakui sah)
iii) Sijil Kelahiran/Sijil Pengangkatan bagi Penerima Hibah Amanah yang berumur di bawah 18 tahun atau tidak waras (salinan yang diakui sah)

Sila tandakan (/) pada kotak yang berkaitan:

- Penerima Hibah Amanah yang baru (tambahan atau gantian)
- *Penerima Namaan yang baru (tambahan atau gantian)
(Sila lengkapkan Borang Penamaan **TH**)
- Penerima Hibah Amanah dan *Penerima Namaan yang baru (tambahan atau gantian)
(Jika individu yang sama, sila lengkapkan Borang Penamaan **TH**)
- Penggantian Penjaga Sah yang baru (Sila lengkapkan B2 (2))

B2 (1): MAKLUMAT PERIBADI PENERIMA HIBAH AMANAH/*PENERIMA NAMAAN YANG BARU

Nama (Mengikut Dokumen Pengenalan Diri):

No. Pengenalan Diri (Mykad/Mykid):

No. Tentera/Polis/Pasport:

Tarikh Lahir (Hari/Bulan/Tahun):

Umur:

Waras (Y/T)

Jantina:

Lelaki

Perempuan

Agama:

Islam

Bukan Islam

Adakah anda warganegara Malaysia:

Ya

Tidak (sila nyatakan)

Hubungan dengan Pemberi Hibah Amanah:

Peratusan (%) Bahagian
Harta Hibah Amanah

Peratusan (%) Bahagian Penamaan

(Maklumat peratusan bahagian hendaklah sama seperti di B3)

Alamat e-mel:

Alamat Tetap:

Alamat Surat-Menyurat:

No. Telefon: (Bimbit) (Rumah) (Pejabat)

No. Akaun **TH**
(jika ada)

B2 (2): MAKLUMAT PERIBADI PENJAGA SAH (jika perlu)

Nama (Mengikut Dokumen Pengenalan Diri):

No. Pengenalan Diri (Mykad):

No. Tentera/Polis/Pasport:

Tarikh Lahir (Hari/Bulan/Tahun):

Umur:

Jantina: Lelaki Perempuan

Agama: Islam Bukan Islam

Adakah anda warganegara Malaysia: Ya Tidak (sila nyatakan)

Hubungan dengan Penerima Hibah Amanah:

Alamat e-mel:

Alamat Tetap:

Alamat Surat-Menyurat:

No. Telefon: (Bimbit) (Rumah) (Pejabat)

No. Akaun **TH**:

Hubungan dengan Penerima Hibah Amanah:

Nama Penerima Hibah: *(Sila isi jika berkenaan)*

No. Pengenalan Diri Penerima Hibah Amanah (Mykad/Mykid/Pasport): *(Sila isi jika berkenaan)*

B2 (3) - PENGAKUAN HIBAH AMANAH TH*PENAMAAN

BAHAGIAN I: PEMBERIAN HARTA HIBAH

1. Bahawasanya saya penandatanganan di bawah sebagai Pemberi Hibah adalah seorang yang waras, cukup umur dan dengan suci hati tanpa paksaan mana-mana pihak, bersetuju mengisytiharkan pembentukan Hibah dan menghibahkan Harta Hibah sepertimana yang dinyatakan di Perkara B2 dan B3, termasuklah segala keuntungan yang terhasil daripada Harta Hibah (jika ada), kepada Penerima Hibah, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Borang Permohonan Hibah Amanah **TH*Penamaan** dan Suratikatan Hibah Amanah.
2. Dengan keizinan saya, dan mulai tarikh ini Penerima Hibah adalah pemilik peratusan bahagian Harta Hibah seperti yang dinyatakan di Perkara B2 dan B3, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Borang Permohonan Hibah Amanah **TH*Penamaan** dan Suratikatan Hibah Amanah.
3. Saya juga dengan ini mengaku bahawa pemberian peratusan bahagian Harta Hibah ini telah pun sempurna syarat-syarat, rukun-rukun dan penyerahan milikannya sebagaimana yang digariskan oleh Hukum Syarak di mana wujudnya ijab dan qabul di antara saya dan Penerima Hibah serta terlaksananya penyerahan hak serta penguasaan dan kawalan sepenuhnya Harta Hibah daripada saya kepada Penerima Hibah. Oleh itu, Harta Hibah yang diisytiharkan di sini BUKANLAH harta pusaka selepas kematian saya.
4. Sekiranya saya meninggal dunia terlebih dahulu sebelum Penerima Hibah, maka peratusan bahagian Harta Hibah adalah menjadi hak mutlak sepenuhnya Penerima Hibah dan peratusan bahagian Harta Hibah tersebut akan dibayar oleh Lembaga Tabung Haji ('**TH**') kepada Penerima Hibah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Borang Permohonan Hibah Amanah **TH*Penamaan**, Suratikatan Hibah Amanah dan Surat Kuasa Wakil.
5. Saya bersetuju bahawa sekiranya Penerima Hibah meninggal dunia terlebih dahulu sebelum saya, maka peratusan bahagian Harta Hibah tersebut tidak akan dikembalikan kepada saya tetapi akan menjadi harta pusaka Penerima Hibah. Peratusan bahagian Harta Hibah tersebut akan dibayar oleh **TH** kepada waris Penerima Hibah mengikut surat kuasa mentadbir yang perlu dikemukakan oleh waris Penerima Hibah apabila membuat tuntutan.
6. Saya bersetuju bahawa pembayaran peratusan bahagian Harta Hibah kepada waris Penerima Hibah apabila dituntut menurut perenggan 5 di atas adalah berdasarkan amaun di dalam akaun simpanan **TH** saya pada tarikh kematian Penerima Hibah. Amaun ini hendaklah ditolak Yuran Pendaftaran Haji dan Bayaran Haji (sekiranya saya terpilih untuk mengerjakan haji pada tahun semasa). **TH** berhak menolak Yuran Pendaftaran Haji dan Bayaran Haji yang telah ditetapkan oleh **TH** daripada peratusan bahagian Harta Hibah Amanah tersebut sekiranya saya telah dipilih oleh **TH** untuk mengerjakan haji pada tahun semasa.
7. Sekiranya saya dan Penerima Hibah meninggal dunia serentak, peratusan bahagian Harta Hibah akan dibayar oleh **TH** mengikut surat kuasa mentadbir yang perlu dikemukakan oleh waris Penerima Hibah tersebut apabila membuat tuntutan.

8. Dalam keadaan saya hilang keupayaan mental, pengeluaran wang dari akaun simpanan **TH** saya oleh wakil dibenarkan dengan syarat mendapat persetujuan secara bertulis daripada semua waris yang berhak berdasarkan Hukum Syarak dan tertakluk kepada Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) dan peraturan-peraturan **TH** serta Borang Permohonan Hibah Amanah **TH***Penamaan.
9. Saya tidak boleh membuat pindaan dan/atau pembatalan Hibah tanpa persetujuan Penerima Hibah kecuali Penerima Hibah adalah anak kandung dan/atau cucu kandung saya. Jika Penerima Hibah tersebut ialah anak kandung dan/atau cucu kandung saya, saya hendaklah membuat pengesahan bahawa anak kandung dan/atau cucu kandung saya masih hidup. Pindaan dan/atau pembatalan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat di dalam Borang Pindaan Hibah Amanah **TH***Penamaan dan Borang Pembatalan Hibah Amanah **TH***Penamaan, mana-mana yang berkaitan.
10. Saya bersetuju bahawa cara pembahagian Harta Hibah /*Penamaan adalah seperti di bawah: (sepertimana yang dinyatakan di Perkara B)

	Hibah Amanah 100% (Keseluruhan)
	*Gabungan Hibah Amanah% dan Penamaan.....%
11. *Saya yang juga merupakan seorang Pendeposit bersetuju untuk membuat Penamaan tertakluk kepada Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) dan peraturan-peraturan **TH**. Saya dengan ini mengaku dan mengesahkan bahawa apabila saya meninggal dunia, peratusan bahagian Penamaan hendaklah dibayar oleh **TH** kepada Penerima Namaan sepertimana yang dinyatakan di Perkara B2 dan B3 tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat di dalam Borang Penamaan **TH** dan Borang Permohonan Hibah Amanah **TH***Penamaan. Dengan Penamaan ini, saya mengaku dan bersetuju bahawa Penamaan yang dibuat sebelum ini (jika ada) adalah terbatal.
12. *Saya mengaku dan mengesahkan bahawa Penerima Namaan adalah merupakan seorang Pentadbir dan mewakili waris-waris saya. Oleh yang demikian, Penerima Namaan hendaklah membahagikan peratusan bahagian Penamaan tersebut mengikut Hukum Syarak.
13. *Saya bersetuju bahawa **TH** akan membayar peratusan bahagian Penamaan kepada **Penerima Namaan Pertama sahaja** dan hanya dibayar kepada Penerima Namaan Kedua sekiranya Penerima Namaan Pertama meninggal dunia. Namun, sekiranya Penerima Namaan Kedua ingin membuat tuntutan, Penerima Namaan Kedua mestilah mendapatkan persetujuan Penerima Namaan Pertama seperti di dalam Borang Tuntutan Pengeluaran Hibah Amanah **TH***Penamaan.
14. *Sekiranya kedua-dua Penerima Namaan meninggal dunia terlebih dahulu daripada saya, maka peratusan bahagian Penamaan tersebut akan dikembalikan kepada saya untuk menguruskannya.
15. *Saya sebagai Pendeposit boleh membuat pindaan dan/atau pembatalan Penamaan tanpa perlu mendapatkan persetujuan Penerima Namaan.
16. Saya dengan ini mengaku bahawa saya tidak pernah membuat pengisytiharan Hibah ke atas Harta Hibah sebelum ini, dan sekiranya ada mana-mana pengisytiharan hibah yang dibuat sebelum ini ke atas Harta Hibah ini, ianya adalah tidak sah.
17. Saya juga mengaku bahawa pengisytiharan Hibah ke atas Harta Hibah ini kekal dan mengatasi sebarang Hibah lain (selain yang dibuat di **TH**) yang akan saya buat di masa akan datang.
18. Saya bersetuju untuk menanggung semua kos/yuran yang dikenakan oleh **TH** untuk melaksanakan Hibah Amanah **TH***Penamaan ini. Saya juga bersetuju untuk menanggung rugi dan membebaskan **TH** daripada sebarang kerugian, dakwaan atau tuntutan termasuk kos undang-undang yang timbul berhubung dengan pembentukan Hibah Amanah **TH***Penamaan dan/atau pelanggaran mana-mana terma dan syarat yang terkandung di dalam Borang Permohonan Hibah Amanah **TH***Penamaan dan Suratikatan Hibah Amanah. Saya juga bersetuju untuk menanggung rugi dan membebaskan **TH** daripada sebarang kerugian, dakwaan atau tuntutan termasuk kos undang-undang yang timbul sekiranya amaun di dalam akaun simpanan **TH** saya tidak mencukupi semasa tuntutan menurut perenggan 5 di atas dibuat oleh waris Penerima Hibah.
19. Saya sebagai Pemberi Hibah/*Pendeposit bersetuju dengan menurunkan tandatangan pada dokumen-dokumen berkenaan.

Ditandatangani oleh Pemberi Hibah /*Pendeposit:

.....
Nama :

No. Pengenal Diri :

Tarikh :

BAHAGIAN II: **PENERIMAAN HIBAH /PENJAGA SAH (**Sila potong mana yang tidak berkenaan)

1. Bahawasanya saya penandatanganan di bawah sebagai Penerima Hibah adalah seorang yang waras dan cukup umur dengan ini bersetuju menerima peratusan bahagian Harta Hibah yang dinyatakan di Perkara B daripada Pemberi Hibah termasuklah segala keuntungan yang terhasil daripada Harta Hibah (jika ada) tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Borang Permohonan Hibah Amanah **TH***Penamaan dan Suratikatan Hibah Amanah.
2. Saya dengan ini mengaku bahawa penerimaan peratusan bahagian Harta Hibah ini telah pun sempurna syarat-syarat, rukun-rukun dan penerimaan milikannya sebagaimana yang digariskan oleh Hukum Syarak di mana wujudnya ijab dan qabul di antara saya dan Pemberi Hibah serta terlaksananya penerimaan hak serta penguasaan dan kawalan sepenuhnya Harta Hibah daripada Pemberi Hibah kepada saya.
3. Saya juga dengan ini bersetuju dan membenarkan Pemberi Hibah menggunakan Harta Hibah tersebut untuk faedah dirinya, membuat urus niaga dan mendapat semua manfaat yang berkaitan dengan Harta Hibah Amanah tersebut selama mana Pemberi Hibah masih hidup tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Borang Permohonan Hibah Amanah **TH***Penamaan dan Suratikatan Hibah Amanah.
4. Saya mengaku dan faham sekiranya Pemberi Hibah meninggal dunia terlebih dahulu daripada saya, maka peratusan bahagian Harta Hibah adalah menjadi hak mutlak saya sepenuhnya dan akan dibayar oleh **TH** kepada saya tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Borang Permohonan Hibah Amanah **TH**, Suratikatan Hibah Amanah dan Surat Kuasa Wakil.
5. Saya mengaku dan faham sekiranya saya meninggal dunia terlebih dahulu daripada Pemberi Hibah, maka peratusan bahagian Harta Hibah tersebut tidak akan dikembalikan kepada Pemberi Hibah tetapi akan menjadi harta pusaka saya dan akan dibayar oleh **TH** kepada waris saya mengikut peratusan bahagian Harta Hibah tersebut mengikut suratkuasa mentadbir yang perlu dikemukakan oleh waris saya apabila membuat tuntutan. **TH**berhak menolak Yuran Pendaftaran Haji dan Bayaran Haji yang telah ditetapkan oleh **TH** daripada peratusan bahagian Harta Hibah Amanah tersebut sekiranya Pemberi Hibah telah dipilih oleh **TH** untuk mengerjakan haji pada tahun semasa.
6. Sekiranya Pemberi Hibah dan saya meninggal dunia serentak, Harta Hibah akan dibayar oleh **TH** mengikut surat kuasa mentadbir yang perlu dikemukakan oleh waris saya apabila membuat tuntutan.
7. Saya bersetuju bahawa Pemberi Hibah tidak boleh membuat pindaan dan/atau pembatalan Hibah tanpa mendapat persetujuan Penerima Hibah kecuali Penerima Hibah adalah anak kandung dan/atau cucu kandung Pemberi Hibah. Jika Penerima Hibah ialah anak kandung dan/atau cucu kandung Pemberi Hibah, Pemberi Hibah hendaklah membuat pengesahan bahawa anak kandung dan/atau cucu kandung tersebut masih hidup. Pindaan dan/atau pembatalan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat di dalam Borang Pindaan Hibah Amanah **TH***Penamaan dan Borang Pembatalan Hibah Amanah **TH***Penamaan, manamana yang berkaitan.
8. **Sekiranya saya, penandatanganan di bawah dilantik sebagai Penjaga Sah kepada Penerima Hibah yang berumur di bawah 18 tahun dan/atau tidak waras, saya mengaku akan berlaku adil dan bertanggungjawab di atas segala transaksi yang terlibat untuk kepentingan dan kebajikan Penerima Hibah yang berumur di bawah 18 tahun dan/atau tidak waras tersebut. Apabila Penerima Hibah yang berumur di bawah 18 tahun ini mencapai umur 18 tahun, maka gugurlah kuasa saya sebagai Penjaga Sah. Manakala bagi Penerima Hibah yang tidak waras, kuasa saya sebagai Penjaga Sah adalah kekal selagi tidak dipinda ataupun dibatalkan.

9. Saya sebagai **Penerima Hibah/Penjaga Sah bersetuju dengan menurunkan tandatangan pada dokumen-dokumen berkenaan.

Ditandatangani oleh **Penerima Hibah Amanah /Penjaga Sah:

.....
Nama :
No. Pengenalan Diri :
Tarikh :

BAHAGIAN III: *PENERIMAAN NAMAAN

1. Bahawanya saya/kami penandatangan di bawah sebagai Penerima Namaan Pertama dan Penerima Namaan Kedua adalah seorang yang waras dan cukup umur dengan ini bersetuju menerima peratusan bahagian Penamaan yang dinyatakan di Perkara B berdasarkan kepada terma- terma dan syarat-syarat yang termaktub di dalam Borang Penamaan **TH** dan Borang Permohonan Hibah Amanah **TH***Penamaan.
2. Saya/kami mengaku bahawa Penerima Namaan adalah merupakan seorang Pentadbir dan mewakili waris-waris Pemberi Hibah dan hendaklah membahagikan bahagian peratusan Penamaan tersebut mengikut Hukum Syarak.
3. Saya/kami bersetuju bahawa bayaran peratusan bahagian Penamaan hendaklah dibuat kepada **Penerima Namaan Pertama sahaja** dan hanya dibayar kepada Penerima Namaan Kedua sekiranya Penerima Namaan Pertama meninggal dunia. Namun, sekiranya Penerima Namaan Kedua ingin membuat tuntutan, Penerima Namaan Kedua mestilah mendapatkan persetujuan Penerima Namaan Pertama seperti di dalam Borang Tuntutan Pengeluaran Hibah Amanah **TH***Penamaan.
4. Sekiranya kedua-dua Penerima Namaan meninggal dunia terlebih dahulu sebelum Pendeposit, maka peratusan bahagian Penamaan tersebut akan dikembalikan kepada Pendeposit untuk menguruskannya.
5. Saya/kami juga bersetuju bahawa Pendeposit boleh membuat pindaan penamaan kepada waris lain dan/atau pembatalan penamaan tanpa perlu mendapatkan persetujuan saya/kami terlebih dahulu.
6. Penerimaan ini dipersetujui oleh saya sebagai Penerima Namaan dengan menurunkan tandatangan pada dokumen-dokumen berkenaan.

Ditandatangani oleh Penerima Namaan Pertama: Nama : No. Pengenalan Diri : Tarikh :	Ditandatangani oleh Penerima Namaan Kedua: Nama : No. Pengenalan Diri : Tarikh :
--	--

BAHAGIAN IV: PELANTIKAN **PEMEGANG AMANAH DAN PEMEGANG AMANAH GANTIAN

*(** Sila potong jika tidak berkenaan)*

1. Saya Penerima Hibah /Penjaga Sah penandatanganan di bawah dengan ini bersetuju melantik Pemberi Hibah sebagai Pemegang Amanah kepada Harta Hibah yang dinyatakan di Perkara B dan membenarkan Pemberi Hibah menggunakan Harta Hibah tersebut untuk faedah dirinya, membuat semua urusan niaga dan mendapat semua manfaat yang berkaitan dengan Harta Hibah tersebut selama mana Pemberi Hibah masih hidup tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Borang Permohonan Hibah Amanah **TH***Penamaan, Suratikatan Hibah Amanah dan Surat Kuasa Wakil.
2. Saya Penerima Hibah /Penjaga Sah juga bersetuju melantik **TH** sebagai Pemegang Amanah Gantian, untuk mentadbir Harta Hibah selepas kematian Pemberi Hibah bagi tujuan pentadbiran dan pembahagian Harta Hibah tersebut untuk manfaat dan faedah Penerima Hibah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Borang Permohonan Hibah Amanah **TH***Penamaan, Suratikatan Hibah Amanah dan Surat Kuasa Wakil.
3. **TH** bersetuju menerima pelantikan sebagai Pemegang Amanah Gantian untuk mentadbir dan membahagikan Harta Hibah untuk manfaat dan faedah Penerima Hibah Amanah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Borang Permohonan Hibah Amanah **TH***Penamaan, Suratikatan Hibah Amanah dan Surat Kuasa Wakil.
4. Saya Penerima Hibah /Penjaga Sah bersetuju bahawa tanggungjawab dan kuasa **TH** sebagai Pemegang Amanah Gantian adalah sepertimana terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui dan termeterai di dalam Suratikatan Hibah Amanah dan Surat Kuasa Wakil.

Ditandatangani oleh **Penerima Hibah Amanah /Penjaga Sah:

.....
Nama :

No. Pengenalan Diri :

Tarikh :

BAHAGIAN V: SAKSI (rujuk Perkara D, syarat 11 untuk kelayakan saksi)

Disaksikan bahawa pengakuan Hibah Amanah **TH***Penamaan ini telah dilaksanakan dengan sebenar-benarnya oleh yang tersebut namanya di Perkara C.

Dihadapan kami:

Ditandatangani oleh Saksi 1: Nama : No. Pengenalan Diri/ Cop Jawatan : Tarikh :	Ditandatangani oleh Saksi 2: Nama : No. Pengenalan Diri/ Cop Jawatan : Tarikh :
--	--

BAHAGIAN VI: AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

1. Saya/kami penandatanganan di bawah sebagai Pemberi Hibah Amanah/*Penerima Namaan dan Penerima Hibah Amanah/Penjaga Sah dengan ini bersetuju bahawa maklumat peribadi yang diisi di dalam borang ini akan digunakan untuk tujuan penyediaan perkhidmatan yang relevan dengan **TH** dan/atau anak-anak syarikatnya.
2. Maklumat peribadi yang disediakan akan digunakan untuk tujuan pentadbiran dan pengurusan perkhidmatan yang disediakan untuk saya/kami.
3. Maklumat tersebut akan disimpan sebagai sulit dan peribadi dan tidak akan didedahkan kepada pihak ketiga tanpa kebenaran saya/kami. Walaubagaimanapun saya/kami dengan ini memberi kebenaran kepada **TH** untuk mendedahkan maklumat peribadi saya kepada pegawai **TH** yang diberikuasa atau kepada pihak lain hanya untuk kepentingan penyediaan perkhidmatan yang diminta oleh saya/kami atau untuk memenuhi keperluan perundangan.
4. Semua maklumat peribadi yang diberikan oleh saya/kami dalam borang ini adalah tepat, lengkap dan terkini. Jika saya/kami ingin mengemaskini atau memperbetulkan maklumat peribadi saya, maka saya/kami adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan maklumat tersebut kepada **TH** melalui cara yang telah ditetapkan oleh **TH**. Sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap pengenalan dan pengesahan yang tertentu pada masa akan datang, saya akan menyerahkan dokumen-dokumen yang berkaitan.

Ditandatangani oleh Pemberi Hibah Amanah: Nama: No Pengenalan Diri :..... Tarikh:
Ditandatangani oleh **Penerima Hibah Amanah/Penjaga Sah: Nama: No Pengenalan Diri :..... Tarikh:
Ditandatangani oleh Penerima Namaan: Nama: No Pengenalan Diri :..... Tarikh:

B3 - PERATURAN BAHAGIAN

BAHAGIAN B3 (1): JADUAL PINDAAN PEMBAHAGIAN HARTA HIBAH AMANAH/*PENAMAAN

Bagi pindaan Peraturan Bahagian, sila lengkapkan maklumat di bawah:

BIL	NAMA PENERIMA HIBAH AMANAH	NO PENGENALAN DIRI	HUBUNGAN	NAMA PENJAGA SAH	(%) BAHAGIAN HARTA HIBAH AMANAH
	JUMLAH				

*PENAMAAN TH			
BIL	NAMA PENERIMA NAMAAN	NO PENGENALAN DIRI	(%) BAHAGIAN PENAMAAN
	JUMLAH		

BAHAGIAN B3 (2): AKAD PERSETUJUAN PENERIMA HIBAH AMANAH/PENJAGA SAH

(Bahagian ini perlu diisi jika tujuan pindaan ialah peratusan bahagian Harta Hibah Amanah dan jika Penerima Hibah Amanah bukan anak kandung dan/atau cucu kandung Pemberi Hibah Amanah)

Saya sebagai Penerima Hibah Amanah/Penjaga Sah mengaku dan faham ke atas terma-terma dan syarat-syarat Hibah Amanah **TH** yang telah dibuat oleh Pemberi Hibah Amanah dan dengan ini bersetuju dengan pindaan Hibah Amanah **TH** yang dibuat oleh Pemberi Hibah Amanah seperti di atas dengan menurunkan tandatangan seperti di bawah.

Ditandatangani oleh Penerima Hibah Amanah/Penjaga Sah:

.....
Nama :
No. Pengenal Diri :
Tarikh :

BAHAGIAN B3 (3): SAKSI (rujuk Perkara D, syarat 11 untuk kelayakan saksi)

Disaksikan bahawa persetujuan pindaan Hibah Amanah **TH***Penamaan ini telah dilaksanakan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut namanya di atas.

Dihadapan kami:

Ditandatangani oleh Saksi 1:	
.....	
Nama	:
No. Pengenal Diri/ Cop Jawatan	:
Tarikh	:
Ditandatangani oleh Saksi 2:	
.....	
Nama	:
No. Pengenal Diri/ Cop Jawatan	:
Tarikh	:

C: PENGESAHAN PINDAAN HIBAH AMANAH TH*PENAMAAN

BAHAGIAN I: PENGESAHAN PINDAAN HIBAH AMANAH TH*PENAMAAN

1. *Bahawasanya saya penandatanganan di bawah sebagai Pemberi Hibah /*Pendeposit dengan ini mengesahkan pindaan maklumat seperti di Perkara B, C dan D yang telah saya buat sebelum ini menerusi Borang Pindaan Hibah Amanah **TH***Penamaan, Suratikatan Hibah Amanah dan Surat Kuasa Wakil berkuatkuasa dari tarikh penerimaan lengkap Borang Pindaan Hibah Amanah **TH***Penamaan ini. Saya juga mengaku bahawa pembentukan Hibah Amanah **TH***Penamaan terdahulu adalah dipinda dengan kehendak saya sendiri.
2. Saya juga mengaku bahawa pada tarikh pindaan Hibah Amanah **TH***Penamaan ini, kesemua Penerima Hibah Amanah/*Penerima Namaan yang dinamakan masih hidup.
3. Saya juga mengaku bahawa pindaan Hibah Amanah **TH***Penamaan ini adalah dengan kehendak saya sendiri. Saya memberi kuasa kepada Lembaga Tabung Haji ('**TH**') untuk melaksanakan pindaan Hibah Amanah **TH***Penamaan ini tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma yang terkandung di dalam Borang Pindaan Hibah Amanah **TH***Penamaan, Suratikatan Amanah dan Surat Kuasa Wakil.
4. Saya juga mengaku dan faham dengan apa-apa implikasi terhadap pindaan Hibah Amanah **TH***Penamaan ini.
5. Saya bersetuju untuk menanggung semua kos/yuran yang dikenakan oleh **TH** untuk melaksanakan pindaan ini. Saya juga bersetuju untuk menanggung rugi dan membebaskan **TH** daripada sebarang kerugian, dakwaan atau tuntutan termasuk kos perundangan yang mungkin timbul berhubung dengan pindaan ini dan/atau pelanggaran mana-mana terma dan syarat yang terkandung di dalam Borang Pindaan Hibah Amanah **TH***Penamaan, Suratikatan Amanah dan Surat Kuasa Wakil ini.
6. Pindaan ini dipersetujui oleh saya dengan menurunkan tandatangan seperti di bawah pada dokumen-dokumen berkenaan.

Ditandatangani oleh Pemberi Hibah Amanah/*Pendeposit:

.....
Nama :
No. Pengenalan Diri :
Tarikh :

BAHAGIAN II: SAKSI (rujuk Perkara D, syarat 11 untuk kelayakan saksi)

Disaksikan bahawa pengesahan pindaan Hibah Amanah **TH***Penamaan ini telah dilaksanakan dengan sebenar-benarnya oleh yang tersebut namanya di Perkara C.

Di hadapan kami:

Ditandatangani oleh Saksi 1: Nama : No. Pengenalan Diri/ Cop Jawatan : Tarikh :	Ditandatangani oleh Saksi 2: Nama : No. Pengenalan Diri/ Cop Jawatan : Tarikh :
--	--

**D: TERMA - TERMA DAN SYARAT-SYARAT PINDAAN HIBAH AMANAH
TH/ *PENAMAAN**

1. Pindaan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Suratikatan Hibah Amanah dan Surat Kuasa Wakil.
2. Pemberi Hibah Amanah mestilah seorang pendeposit **TH** yang mempunyai akaun simpanan dewasa, waras, berumur 18 tahun dan ke atas dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di bawah Borang Pindaan Hibah Amanah **TH/ *Penamaan** dan Suratikatan Hibah Amanah.
3. Pemberi Hibah Amanah boleh membuat Pindaan Hibah Amanah untuk tujuan-tujuan seperti berikut:
 - I. Pembatalan Penerima Hibah Amanah/Penjaga Sah/*Penerima Namaan:
 - (i) pembatalan salah seorang Penerima Hibah Amanah/*Penerima Namaan tanpa membuat penggantian; atau
 - (ii) pembatalan Penjaga Sah.
 - II. Tambahan Penerima Hibah Amanah/*Penerima Namaan: Penambahan Penerima Hibah Amanah/*Penerima Namaan yang baru
 - III. Penggantian Penerima Hibah Amanah/Penjaga Sah/*Penerima Namaan: Pembatalan dan Penggantian Penerima Hibah Amanah/Penjaga Sah/*Penerima Namaan yang baru.
 - IV. Peratusan Bahagian : Penambahan atau Pengurangan Peratusan Bahagian Harta Hibah Amanah TH/*Penamaan

(Nota: Pindaan Maklumat Peribadi Pemberi Hibah/Pendeposit perlu menggunakan Borang Maklumat Ahli (JP003))
4. Pemberi Hibah tidak boleh membuat pindaan Hibah Amanah TH tanpa mendapat persetujuan Penerima Hibah kecuali Penerima Hibah adalah anak kandung dan/atau cucu kandung Pemberi Hibah. Jika Penerima Hibah ialah anak kandung dan/atau cucu kepada Pemberi Hibah, Pemberi Hibah hendaklah membuat pengesahan bahawa anak kandung dan/atau cucu kandung masih hidup.
5. Pindaan Penamaan boleh dibuat tanpa perlu mendapatkan persetujuan Penerima Namaan tersebut.
6. Sekiranya memilih Penggantian Penjaga Sah, Pemberi Hibah Amanah perlu melantik Penjaga Sah yang baru (jika Penerima Hibah Amanah masih berumur di bawah 18 tahun dan/atau tidak waras).
7. Jumlah keseluruhan pindaan Peratusan Bahagian kepada Penerima Hibah Amanah/*Penerima Namaan hendaklah berjumlah seratus peratus (100%).
8. Yuran berkenaan dengan Pindaan Hibah Amanah **TH/ *Penamaan** ini akan dikenakan kepada Pemberi Hibah Amanah/*Pendeposit seperti berikut:
 - Yuran Pindaan RM10.00 bagi setiap pindaan dibuat.

(Nota : Tertakluk kepada tambahan 0% Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST))
9. Pemberi Hibah Amanah/*Pendeposit perlu mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut semasa membuat Pindaan Hibah Amanah **TH/ *Penamaan**:
 - i) Dokumen Pengenalan Diri Pemberi Hibah Amanah/*Pendeposit (asal dan salinan diakui sah);
 - ii) Dokumen Pengenalan Diri Penerima Hibah Amanah/Penjaga Sah/*Penerima Namaan (salinan diakui sah);
 - iii) Sijil Kelahiran/Sijil Pengangkatan bagi Penerima Hibah Amanah yang berumur di bawah 18 tahun (salinan diakui sah);
 - iv) Suratikatan Hibah Amanah (asal);
10. Salinan dokumen hendaklah diakui sah oleh mana-mana orang seperti berikut:
 - i) Penghulu;
 - ii) Ketua Masyarakat (Sabah dan Sarawak Sahaja);
 - iii) Majikan tempat bekerja;
 - iv) Pentadbiran tempat belajar;
 - v) Pesuruhjaya Sumpah; atau
 - vi) Pegawai **TH** yang diberi kuasa

11. Syarat-syarat menjadi saksi pada Borang Pindaan Hibah Amanah **TH***Penamaan:

- i) Individu Muslim, berumur 18 tahun ke atas dan waras; atau
- ii) Anggota **TH** yang diberi kuasa.

D 1: TERMA - TERMA DAN SYARAT-SYARAT TAMBAHAN UNTUK PINDAAN MELIBATKAN TAMBAHAN ATAU PENGGANTIAN PENERIMA HIBAH AMANAH/PENJAGA SAH*PENERIMA NAMAAN

1. Hibah Amanah **TH** adalah pemberian Harta Hibah Amanah oleh Pemberi Hibah Amanah semasa hidupnya kepada Penerima Hibah Amanah atas dasar kasih sayang secara sukarela, tanpa paksaan dan tanpa mengenakan sebarang balasan dan berlakunya ijab dan qabul di antara Pemberi Hibah Amanah dan Penerima Hibah Amanah di mana Harta Hibah Amanah tersebut akan dipegang oleh Pemegang Amanah dan diserahkan kepada Penerima Hibah Amanah selepas kematian Pemberi Hibah Amanah. Sekiranya Penerima Hibah Amanah meninggal dunia terlebih dahulu sebelum Pemberi Hibah Amanah, Hibah Amanah tersebut akan menjadi harta pusaka Penerima Hibah Amanah yang akan dibayar kepada waris penerima Hibah Amanah dengan mengemukakan dokumen-dokumen yang dikehendaki oleh Lembaga apabila membuat tuntutan.
2. Pemberi Hibah Amanah mestilah seorang pendeposit **TH** yang mempunyai akaun simpanan dewasa, waras, berumur 18 tahun dan ke atas serta tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam Borang Pindaan Hibah Amanah **TH***Penamaan dan Suratikatan Hibah Amanah.
3. Pemberi Hibah Amanah diberi pilihan sama ada ingin membuat Hibah Amanah **TH** secara keseluruhan ataupun gabungan Hibah Amanah dan Penamaan ke atas wang simpanannya di **TH** ('Harta Hibah Amanah'). Pembahagian Harta Hibah Amanah kepada Penerima Hibah Amanah/*Penerima Namaan adalah di dalam bentuk peratusan (%). Jumlah keseluruhan peratusan bahagian Hibah Amanah atau gabungan Hibah Amanah dan Penamaan hendaklah berjumlah sebanyak seratus peratus (100%). Sekiranya *Pendeposit memilih untuk membuat Hibah Amanah atau gabungan Hibah Amanah dan Penamaan, mana-mana Penamaan yang telah dibuat sebelum ini adalah TERBATAL.
4. Baki minimum yang perlu ada di dalam akaun simpanan **TH** Pemberi Hibah Amanah/*Pendeposit semasa
 - (i) Baki minimum sebanyak RM1,200.00 sekiranya Pemberi Hibah Amanah/*Pendeposit tidak membuat pendaftaran haji;
 - (ii) Baki minimum sebanyak RM1,200.00 dan Yuran Pendaftaran Haji yang telah ditetapkan oleh **TH** sekiranya pendaftaran haji telah dibuat oleh Pemberi Hibah Amanah/*Pendeposit.
5. Pemberi Hibah Amanah/*Pendeposit hendaklah mengekalkan baki wang simpanan minimum berjumlah RM1,000.00 sebagai Harta Hibah Amanah (tidak termasuk Yuran Pendaftaran Haji yang telah ditetapkan oleh **TH** sekiranya pendaftaran haji telah dibuat oleh Pemberi Hibah Amanah/*Pendeposit).
6. Suratikatan Hibah Amanah mengandungi terma-terma pengisytiharan Hibah Amanah **TH** daripada Pemberi Hibah Amanah kepada Penerima Hibah Amanah dan Borang Pindaan Hibah Amanah **TH***Penamaan ini akan menjadi sebahagian daripada Suratikatan Hibah Amanah tersebut.
7. Pemberi Hibah Amanah juga akan menamakan **TH** sebagai wakilnya yang sah atas namanya dan bertindak bagi pihaknya melalui Surat Kuasa Wakil untuk menjalankan tujuan-tujuan yang dinyatakan di dalam Surat Kuasa Wakil tersebut yang akan menjadi sebahagian daripada Suratikatan Hibah Amanah.
8. Melalui pembentukan Hibah Amanah **TH** ini, Penerima Hibah Amanah bersetuju melantik Pemberi Hibah Amanah sebagai Pemegang Amanah dan **TH** sebagai Pemegang Amanah Gantian. **TH** sebagai Pemegang Amanah Gantian adalah bertanggungjawab untuk mentadbir Harta Hibah Amanah selepas kematian Pemberi Hibah Amanah bagi tujuan pentadbiran dan pembahagian Harta Hibah Amanah tersebut tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Borang Pindaan Hibah Amanah **TH***Penamaan, Suratikatan Hibah Amanah dan Surat Kuasa Wakil.

9. Syarat-syarat dan kelayakan Penerima Hibah Amanah:
- Individu warganegara Malaysia ataupun bukan warganegara Malaysia;
 - Tiada had bilangan Penerima Hibah Amanah;
 - Beragama Islam atau bukan beragama Islam;
 - Waras (sekiranya tidak waras, Pemberi Hibah Amanah hendaklah melantik Penjaga Sah); dan
 - Tiada had umur (sekiranya Penerima Hibah Amanah berumur di bawah 18 tahun, Pemberi Hibah Amanah hendaklah melantik Penjaga Sah).
10. Syarat-syarat dan kelayakan Penjaga Sah:
- Dilantik untuk Penerima Hibah Amanah yang tidak waras dan/atau berumur di bawah 18 tahun;
 - Penjaga Sah dihadkan kepada penjaga yang sah sahaja berasaskan takrif penjagaan menurut Akta Kanak-Kanak 2001, Akta Penjagaan Budak 1961 dan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 seperti berikut:
 - Ibu bapa kandung.
 - Melalui suratikatan atau wasiat yang telah disahkan melalui Perintah Mahkamah.
 - Ibu bapa angkat (dengan pembuktian sijil anak angkat dan sijil pendaftaran pengangkatan daripada Jabatan Pendaftaran Negara).
 - Mana-mana orang yang mempunyai jagaan yang sah ke atas kanak-kanak itu melalui Perintah Mahkamah; dan
 - Kuasa Penjaga Sah gugur apabila Penerima Hibah Amanah mencapai umur 18 tahun, manakala bagi Penerima Hibah Amanah yang tidak waras kuasa penjaga sah tersebut akan kekal selagi mana tidak dipinda dan/atau dibatalkan.
11. Syarat-syarat dan kelayakan *Penerima Namaan:
- Penerima Namaan yang dilantik merupakan pentadbir yang akan mentadbir harta *Pendeposit mengikut Hukum Syarak;
 - Bilangan Penerima Namaan adalah terhad kepada dua (2) orang sahaja yang merupakan waris mengikut Hukum Syarak;
 - Waras; dan
 - Berumur 18 tahun dan ke atas.
12. Sekiranya Pemberi Hibah Amanah meninggal dunia terlebih dahulu sebelum Penerima Hibah Amanah, maka peratusan bahagian Harta Hibah Amanah adalah menjadi hak mutlak sepenuhnya Penerima Hibah Amanah dan peratusan bahagian Harta Hibah Amanah tersebut akan dibayar oleh **TH** kepada Penerima Hibah Amanah tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma yang terkandung di dalam Borang Pindaan Hibah Amanah TH/*Penamaan, Suratikatan Amanah dan Surat Kuasa Wakil.
13. Sekiranya Penerima Hibah Amanah meninggal dunia terlebih dahulu sebelum Pemberi Hibah Amanah, peratusan bahagian Harta Hibah Amanah tersebut akan menjadi harta pusaka Penerima Hibah Amanah. Peratusan bahagian Harta Hibah Amanah tersebut akan dibayar oleh **TH** kepada waris Penerima Hibah Amanah mengikut surat kuasa mentadbir yang dikemukakan oleh waris Penerima Hibah Amanah tersebut setelah kematian Penerima Hibah Amanah. **TH** berhak menolak Yuran Pendaftaran Haji dan Bayaran Haji yang telah ditetapkan oleh **TH** daripada peratusan bahagian Harta Hibah Amanah tersebut sekiranya saya telah dipilih oleh **TH** untuk mengerjakan haji pada tahun semasa.
14. Sekiranya kedua-dua Pemberi Hibah Amanah dan Penerima Hibah Amanah meninggal dunia serentak, Harta Hibah Amanah akan dibayar oleh **TH** mengikut surat kuasa mentadbir yang dikemukakan oleh waris Penerima Hibah Amanah.
- 14A Sekiranya terdapat Penerima Hibah Amanah meninggal dunia terlebih dahulu daripada Pemberi Hibah Amanah dan warisnya menuntut Harta Hibah Amanah berikutan kematian Penerima Hibah Amanah tersebut, **TH** akan membuat penyelarasan ke atas peratusan untuk baki Harta Hibah Amanah yang masih ada dan terakru kepada Penerima Hibah Amanah yang hidup.
15. *Sekiranya Pendeposit meninggal dunia, peratusan bahagian Penamaan akan dibayar kepada Penerima Namaan yang merupakan seorang Pentadbir dan mewakili *Pendeposit yang hendaklah membahagikan peratusan bahagian Penamaan mengikut Hukum Syarak.
16. *Bayaran peratusan bahagian Penamaan akan dibayar kepada **Penerima Namaan Pertama sahaja** dan hanya dibayar kepada Penerima Namaan Kedua sekiranya Penerima Namaan Pertama meninggal dunia.

17. Namun, sekiranya Penerima Namaan Kedua ingin membuat tuntutan, Penerima Namaan Kedua mestilah mendapatkan persetujuan Penerima Namaan Pertama seperti di dalam Borang Tuntutan Pengeluaran Hibah Amanah **TH***Penamaan.
18. Sekiranya kedua-dua Penerima Namaan meninggal dunia terlebih dahulu sebelum *Pendeposit, maka peratusan bahagian Penamaan tersebut akan dikembalikan kepada Pendeposit untuk menguruskannya.
19. Sila rujuk bahagian-bahagian berikut untuk terma-terma pemberian dan penerimaan Hibah Amanah **TH***Penamaan:
 - Perkara B2 (3) Bahagian I untuk pengakuan pemberian Hibah Amanah **TH***Penamaan oleh Pemberi Hibah Amanah/*Pendeposit
 - Perkara B2 (3) Bahagian II untuk pengakuan Penerimaan Pemberian Hibah Amanah **TH** oleh Penerima Hibah Amanah/ Penjaga Sah
 - Perkara B2 (3) Bahagian III untuk pengakuan Penerima Penamaan oleh Penerima Namaan
 - Perkara B2 (3) Bahagian IV untuk pelantikan Pemberi Hibah Amanah sebagai Pemegang Amanah dan pelantikan **TH** sebagai Pemegang Amanah Gantian oleh Penerima Hibah Amanah
 - Perkara B2 (3) Bahagian V untuk Pengakuan Saksi
 - Perkara B2 (3) Bahagian VI untuk pengakuan memberi maklumat peribadi tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010
20. Penerima Hibah Amanah, Penjaga Sah dan/atau *Penerima Namaan adalah digalakkan membuka akaun di **TH**.
21. Dalam keadaan Pemberi Hibah Amanah hilang keupayaan mental, pengeluaran wang dari akaun simpanan **TH** Pemberi Hibah Amanah oleh wakil dibenarkan dengan syarat mendapat persetujuan secara bertulis daripada semua waris yang berhak berdasarkan Hukum Syarak dan tertakluk kepada peraturan-peraturan **TH** yang sedia ada serta Borang Pindaan Hibah Amanah **TH***Penamaan.
22. Pemberi Hibah Amanah tidak boleh membuat pindaan dan/atau pembatalan Hibah Amanah **TH** tanpa mendapat persetujuan Penerima Hibah Amanah kecuali Penerima Hibah Amanah adalah anak kandung dan/atau cucu kandung Pemberi Hibah Amanah tetapi Pemberi Hibah Amanah hendaklah membuat pengesahan bahawa anak kandung dan/atau cucu kandung masih hidup. Syarat-syarat pindaan dan/atau pembatalan Hibah Amanah **TH** adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Borang Pindaan Hibah Amanah **TH***Penamaan dan Borang Pembatalan Hibah Amanah **TH***Penamaan, mana-mana yang berkenaan.
23. Untuk Penamaan, Pendeposit boleh membuat pindaan dan/atau pembatalan Penamaan tanpa perlu mendapatkan persetujuan Penerima Namaan.
24. Yuran-yuran berkenaan dengan Hibah Amanah ini akan dikenakan kepada Pemberi Hibah Amanah seperti berikut:
 - Permohonan Hibah Amanah **TH***Penamaan: Yuran Pendaftaran RM190.00.
 - Permohonan pindaan Hibah Amanah **TH***Penamaan: Yuran Pindaan RM10.00 bagi setiap pindaan.
 - Permohonan pembatalan Hibah Amanah **TH***Penamaan: Yuran Pembatalan RM70.00
(Nota: Tertakluk kepada tambahan 0% Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST))
25. Bayaran Yuran Tuntutan pengeluaran Hibah Amanah **TH** adalah pada kadar satu peratus (1%) daripada baki wang Pemberi Hibah Amanah atau maksimum Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000.00). Bayaran tersebut akan ditolak daripada akaun Pemberi Hibah Amanah.)
(Nota: Tertakluk kepada tambahan 0% Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST))
26. Pemberi Hibah Amanah/*Pendeposit perlu mengemukakan dokumen-dokumen berikut semasa membuat Pindaan Hibah Amanah **TH***Penamaan:
 - i) Dokumen Pengenalan Diri Pemberi Hibah Amanah/*Pendeposit (asal dan salinan diakui sah);
 - ii) Dokumen Pengenalan Diri Penerima Hibah Amanah/ Penjaga Sah/ *Penerima Namaan (salinan diakui sah);
 - iii) Sijil Kelahiran/Sijil Pengangkatan bagi Penerima Hibah Amanah yang berumur di bawah 18 tahun (salinan diakui sah)
 - iv) Dokumen sokongan Penerima Hibah Amanah yang tidak waras. (salinan diakui sah)

27. Untuk tujuan tuntutan pengeluaran Hibah Amanah **TH***Penamaan setelah kematian Pemberi Hibah Amanah/*Pendeposit, Penerima Hibah Amanah (atau waris untuk keadaan menurut perenggan 13 di atas) /Penjaga Sah/*Penerima Namaan perlu hadir di mana-mana pejabat cawangan **TH**dengan mengemukakan dokumen (asal dan salinan yang diakui sah) berikut:-
- (i) Dokumen Pengenalan Diri Penerima Hibah Amanah/Penjaga Sah/*Penerima Namaan;
 - (ii) Sijil Kematian/Laporan Kematian Luar Negara Pemberi Hibah Amanah;
 - (iii) Sijil Kelahiran/Sijil Pengangkutan (jika Penerima Hibah Amanah di bawah umur 18 tahun dan/atau tidak waras);
 - (iv) Sijil Kematian/Laporan Kematian Luar Negara bagi Penerima Hibah Amanah/*Penerima Namaan yang telah meninggal dunia; dan
 - (v) Surat Kuasa Mentadbir (sekiranya Penerima Hibah Amanah/*Penerima Namaan telah meninggal dunia).

28. Kelayakan saksi untuk Surat Kuasa Wakil:

- Majistret;
- Jaksa Pendamai;
- Pentadbir Tanah;
- Notari Awam;
- Pesuruhjaya Sumpah; atau
- Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya, Sabah dan Sarawak.

29. Kelayakan saksi untuk Suratikatan Hibah Amanah **TH**

- Anggota **TH** yang diberi kuasa.

Saya faham dan bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat seperti yang terkandung di atas.

Ditandatangani oleh Pemberi Hibah Amanah /*Pendeposit:

.....

Nama :

No. Pengenalan Diri :

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN LEMBAGA TABUNG HAJI (TH)

Diterima/Disemak Oleh:

Nama Pegawai **TH** :

Jawatan :

Tarikh :

.....
Cop Rasmi TH